



## Nota Teknikal Industri (ITN)

<b>PERKARA</b>	KEPERLUAN BAGI PERMOHONAN KEBENARAN KEMAJUAN BAGI KERJA-KERJA TANAH		
<b>DIKELUARKAN OLEH</b>	KEBENARAN KEMAJUAN BANGUNAN		
<b>TARIKH DIKELUARKAN</b>	15 FEBRUARI 2023	<b>TARIKH MANSUH</b>	-
<b>NO. PINDAAN</b>	01		

### TUJUAN:

Pihak Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (BCI) ingin memperingatkan kepada pihak berkepentingan bahawa jika terdapat sebarang kerja-kerja tanah seperti menembok, meruntuh atau memotong tanah adalah diperlukan untuk dipohonkan kebenaran sehingga Kesiapan Kemajuan, iaitu sebelum kerja-kerja bangunan bagi bangunan boleh dimulakan mengikut proses dan prosedur yang berjalan pada masa ini.

Sebagai peringatan, jika didapati sebarang kerja-kerja bangunan (termasuk kerja-kerja tanah) tidak ada kebenaran tindakan undang-undang boleh dikenakan mengikut **Seksyen 24(1) Perintah Kawalan Bangunan, 2014 (Building Control Order, 2014)**:

Mana-mana orang yang memulakan atau menjalankan, atau mengizinkan atau membenarkan permulaan atau penjalanan –

(a) apa-apa kerja pembinaan (termasuk kerja pembinaan bawah tanah) dimana pelan-pelan belum diluluskan oleh Pihak Berkuasa di bawah Seksyen 5 atau 6; atau

(b) apa-apa kerja bangunan (termasuk kerja bangunan bawah tanah) yang baginya tiada permit di bawah Seksyen 8 berkuatkuasa,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan –

(i) dikenakan suatu denda tidak melebihi \$200,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali; dan

(ii) berkenaan dengan pelanggaran berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$ 1,000 bagi setiap hari atau sebahagiannya pelanggaran itu berterusan,

dan jika pelanggaran itu berterusan selepas disabitkan, orang itu adalah melakukan suatu kesalahan lanjut dan boleh jika disabitkan atas kesalahan lanjut ini dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$ 2,000 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana pelanggaran itu berterusan selepas disabitkan.”

Dalam hal ini, adalah dimaklumkan juga bahawa dokumen-dokumen yang diperlukan bagi permohonan Kebenaran Kemajuan bagi kerja-kerja tanah turut dikemaskini.

Secara ringkasnya, dokumen-dokumen yang diperlukan bagi permohonan Kebenaran Kemajuan bagi kerja-kerja tanah adalah seperti berikut:-

- i. Borang A
- ii. Memorandum of Agreement (MoA) antara Qualified Person – Jurutera Profesional Sivil dan Struktur dan Pemaju
- iii. Geran tanah
- iv. Laporan tapak yang disediakan oleh pihak Qualified Person – Jurutera Profesional Sivil dan Struktur termasuk (tidak terhad kepada):
  - o Gambar terkini menunjukkan keadaan tapak semasa termasuk di kawasan keliling 5 – 10 meter dari sempadan tanah yang akan dimajukan
- v. Pelan lukisan yang disediakan dan ditandatangani oleh Qualified Person – Jurutera Profesional Sivil dan Struktur termasuk (tidak terhad kepada):
  - o Site development plan termasuk kedudukan cadangan bangunan baru dan bangunan sedia-ada yang berhampiran, kedudukan pembinaan perlindungan cerun dan juga kedudukan perkhidmatan seperti longkang, culvert, jalan raya, tiang lampu dan lain-lain
  - o Detailing seperti cross sectional with distance, existing ground level dan proposed level, kuantiti cut and fill, cadangan saliran longkang dan outlet dan lain-lain
  - o Lukisan lengkap cadangan pembinaan perlindungan cerun termasuk surface erosion measures
- vi. Salinan topographical survey map (disarankan untuk memasukkan 5 meter minima dari luar sempadan tanah) yang telahpun disahkan oleh Licensed Land Surveyor yang mempunyai pendaftaran yang sah di Jabatan Ukur
- vii. Senarai perisian yang digunakan dengan lesen yang sah untuk tujuan reka bentuk (tertakluk kepada skala kemajuan dan jika kawasan termasuk di dalam Environmentally Sensitive Area)
- viii. Pernyataan perancangan dan metodologi kemajuan tanah termasuk Erosion and Sedimentation Plan
- ix. Senarai bahan binaan yang akan digunakan dengan pensijilan produk yang sah dikeluarkan oleh ABCi seperti penggunaan produk 'geosynthetics' (jika ada)

Bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara iv – ix tersebut di atas, orang ramai boleh berhubung terus kepada pihak Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya seperti berikut:-

JABATAN	PERHUBUNGAN	KAUNTER DIBUKA	
Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya	Telephone: 673 238 1191 Emel: bktks.dts@pwd.gov.bn	Isnin - Khamis dan Sabtu	Pagi 8.00 – 11.30 Petang 1.30 – 3.30

Pihak ABCi ingin memaklumkan bahawa grace period akan diberikan sehingga **28 Februari 2023** maka sebarang permohonan Kebenaran Kemajuan bagi kerja-kerja tanah yang dihadapkan oleh pihak QP mulai **01 Mac 2023** akan dianggap sebagai **tidak lengkap** jika dokumen-dokumen tersebut tidak dihadapkan.

**Bagi keterangan lanjut, sila hubungi:**

Emel: **ukk.abci@mod.gov.bn**

Whatsapp Hotline ABCi: **+673 814 0365**



## Industry Technical Note (ITN)

<b>TOPIC</b>	BUILDING APPROVAL FOR EARTHWORKS – SUBMISSION REQUIREMENTS		
<b>ISSUED BY</b>	BUILDING DEVELOPMENT		
<b>ISSUE DATE</b>	15 FEBRUARY 2023	<b>EXPIRY DATE</b>	-
<b>REVISION NO.</b>	01		

### PURPOSE:

The Authority on Building Control and Construction Industry (ABCi) would like to remind all relevant stakeholders that any earthworks involving the change of a site's profile such as levelling, topping up and/or cutting and filling, is required to obtain approval until Occupation Permit (OP) before any building works for the building may commence as per current process and procedures.

As a reminder, any building works (including earthworks) that are carried out without any approval is an offence under **Section 24, Building Control Order, 2014**:

Any person who commences or carries out, or permits or authorizes the commencement or carrying out of –

- (a) any building works (including underground building works) the plans of which have not been approved by the Authority under section 5 or 6; or
- (b) any building works (including underground building works) for which there is no permit under section 8 in force,

Is guilty of an offence and liable on conviction –

- (i) to a fine not exceeding \$200,000, imprisonment for a term not exceeding 2 years or both; and
- (ii) in respect of a continuing contravention, to an additional fine not exceeding \$1,000 for each day or part thereof the contravention continues,

and if the contravention continues after the conviction, the person is guilty of a further offence and liable on conviction of this further offence to a further fine not exceeding \$2,000 for every day or part thereof which the contravention continues after conviction.

Additionally, the documents required to be submitted for a *Building Approval* application for earthworks have also been updated.

In summary, the documents required to be submitted for a *Building Approval* application for earthworks are as follows:-

- i. Form A
- ii. Memorandum of Agreement (MoA) between Qualified Person – Professional Engineer (Civil and Structural) and the developer
- iii. Land Title
- iv. Site report prepared by the Qualified Person – Professional Engineer (Civil and Structural) including (but not limited to):-
  - o Recent photos showing the condition of the land inclusive of surrounding areas (approximately 5 – 10 meters from boundary)
- v. Drawings prepared and signed by the Qualified Person – Professional Engineer (Civil and Structural) including (but not limited to):-
  - o Site development plan (indicating location of the proposed building and existing buildings nearby, location of slope protection and other services such as drains, culverts, roads, lighting etc)
  - o Detailing such as cross sectional with distance, existing ground level dan proposed level, cut and fill quantities, proposed drainage and outlet etc
  - o Slope protection proposals including surface erosion measures
- vi. Copy of topographical survey map (including a minimum of 5 meters from boundary) verified by a Licensed Land Surveyor registered under Survey Department
- vii. List of software used (with valid license) for the purpose of designing (subject to scale of development and Environmentally Sensitive Areas)
- viii. Proposed plan and methodology in carrying out the earthworks including Erosion and Sedimentation Plan
- ix. List of proposed products such as geosynthetics and product license issued by ABCi (if applicable)

For any further inquiries on items iv – ix above, the public may contact :-

DEPARTMENT	CONTACT DETAILS	COUNTER OPENING HOURS	
Geotechnical, Geological and Research Section, Department of Technical Services, Public Works Department	Telephone: 673 238 1191 Email: bktks.dts@pwd.gov.bn	Monday – Thursday and Saturday	<u>Morning</u> 8.00 – 11.30 <u>Afternoon</u> 1.30 – 3.30

ABCi hereby informs that a grace period shall be given until the **28<sup>th</sup> of February 2023** whereby any *Building Approval* application for earthworks submitted on the **1<sup>st</sup> of March 2023** onwards shall be deemed **incomplete** without the stated documents.

**For further inquiries, please contact:**

Email: **ukk.abci@mod.gov.bn**  
Whatsapp Hotline ABCi: **+673 814 0365**

**- END -**